



TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN, MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KEJOHANAN SUKAN KERAJAAN
TEMPATAN MALAYSIA, KPKT**

**TARIKH : 1 OKTOBER 2017 (AHAD)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : DEWAN JUBLI PERAK
SULTAN HJ. AHMAD SHAH
KUANTAN, PAHANG.**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warah matullah wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

Saudara pengacara majlis

YAB. Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob
Menteri Besar Pahang

YB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri
Pahang

YBhg. En. Zamri bin Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT

YB. Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

YBhg. En. Muhammad Ridzwan bin Abidin
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan

YBhg. Datuk Azih bin Muda
Presiden ANULAE merangkap Presiden CUEPACS

YBhg. Dato' Maimunah binti Mohd Sharif
Yang Dipertua Majlis Bandaraya Pulau Pinang merangkap
Presiden MALA

YBhg. Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan

Ketua-ketua Jabatan, dif-dif jemputan

Rakan-rakan media

Seterusnya hadirin yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT pada malam yang bersejarah ini. Semoga majlis ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah s.w.t jua.

Hadirin yang dihormati sekalian

Aktiviti sukan bertujuan untuk merealisasikan hasrat dan aspirasi Kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa bersukan sehingga menjadikan satu budaya hidup.

Idea untuk menyatukan program sukan PBT ini lahir daripada perbincangan saya bersama wakil kesatuan yang memaklumkan PBT ada mengadakan aktiviti sukan tahunan masing-masing tetapi terpisah mengikut persatuan dan skim perkhidmatan. Oleh itu saya cadangkan supaya sukan PBT ini digabungkan di bawah satu payung iaitu KPKT. Ini akan memastikan supaya kita boleh bergerak dengan lebih tersusun, dan dapat menyumbang bantuan kepada pihak persatuan dalam menjayakan aktiviti

sukan, dan yang paling penting adalah usaha mengukuhkan *esprit de corps* khususnya di kalangan PBT.

Acara sukan mengikut jadual sukan MALA telah pun bermula dengan Kejohanan Badminton di Keningau, Sabah dan Kejohanan Ping Pong dan Tenis di Kota Bharu, Kelantan pada Mac 2017. Diikuti dengan Kejohanan Futsal di Shah Alam, Selangor, Kejohanan Dart dan Bola Jaring di Teluk Intan, Perak, Kejohanan Bowling di Kuala Terengganu, Terengganu, dan Kemuncak Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT di Kuantan, Pahang pada 28 September hingga 1 Oktober 2017 yang melibatkan Kejohanan Karom, Golf dan Bola Sepak 9 Sebelah.

Hadirin yang dihormati sekalian

Kerajaan berhasrat bukan sahaja menggalakkan budaya bersukan tetapi menitikberatkan penglibatan bersama dalam aktiviti sukan yang akan merapatkan hubungan antara satu sama lain tanpa mengira umur, bangsa dan agama. Di samping itu gaya hidup sihat dengan bersukan juga dapat mengatasi masalah obesiti dalam kalangan penjawat awam, yang menjadi penyebab kepada pelbagai penyakit jantung, kencing manis dan darah tinggi. Tubuh badan yang sihat di kalangan penjawat awam akan melahirkan fizikal dan mental yang sihat, selanjutnya akan meningkatkan kreativiti dan produktiviti di tempat kerja.

Saya berpandangan bahawa melalui kegiatan sukan seperti ini, warga kerja Kerajaan Tempatan atau PBT akan lebih rapat dan dapat kenal mengenali antara satu sama lain. Persahabatan dan persefahaman di harap dapat mewujudkan perpaduan di kalangan warga PBT dan seterusnya bersama-sama menangani isu-isu Kerajaan Tempatan.

Hadirin yang dihormati sekalian

KPKT menyokong sepenuhnya aktiviti sukan untuk rakyat khususnya di PBT. Pelbagai program dan projek dilaksanakan bagi membantu pembangunan sukan dan gaya hidup sihat, seperti pembinaan dan naiktaraf gelanggang sukan, futsal, dan padang. Di Pahang sahaja pada tahun ini selain daripada pembinaan projek-projek kecil untuk infrastruktur dan sosio ekonomi, saya telah meluluskan 9 projek membina dan menaiktaraf gelanggang futsal, gelanggang serbaguna dan padang dengan nilai sebanyak RM3.8 juta, manakala pada tahun 2016 sebanyak 21 projek merangkumi pembinaan dan naiktaraf gelanggang futsal, gelanggang serbaguna dan padang dengan nilai sebanyak RM2.2 juta telah diluluskan dan dilaksanakan di pelbagai PBT di Pahang. Projek-projek yang telah dilaksanakan ini perlu disenggara dengan sebaik mungkin oleh PBT bagi memastikan dapat digunakan dengan selesa oleh orang ramai.

Hadirin yang dihormati sekalian

Adalah menjadi harapan saya supaya acara sukan pada tahun ini menjadi permulaan kepada banyak lagi acara sukan peringkat PBT yang akan dipertandingkan pada masa akan datang. KPKT, MALA dan ANULAE perlu bergabung dalam memastikan penyertaan seramai mungkin di kalangan PBT.

Hadirin yang dihormati sekalian

Akhir kata saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang kerana sudi melapangkan masa untuk hadir merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia pada malam ini dan juga kepada semua ahli jawatan kuasa serta petugas yang menguruskan persiapan sukan di Kuantan, terutamanya kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan, MALA dan ANULAE yang banyak menyumbangkan idea, masa dan tenaga dalam menjayakan siri kejohanan acara sukan pada tahun ini. Saya percaya pertemuan melalui acara sukan ini akan menjalinkan *networking* yang seterusnya memudahkan urusan kerja tuan/puan selepas ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.